

UKM, 99 Speedmart jalin kerjasama

Klang: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Ekonomi dan Pengurusannya bekerjasama dengan Pasar raya 99 Speedmart dalam meningkatkan kualiti graduan terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Pro Naim Canselor, Strategi dan Pembangunan Korporat UKM, Prof Dr Ishak Yusoff, berkata kerjasama yang dijalni adalah sejajar dengan pelan strategik UKM yang mahu melahirkan graduan inovatif dan berdaya saing dalam industri.

Beliau berkata, berbekalkan kepakaran yang ada, UKM akan menawarkan

modul latihan secara meluas kepada pekerja 99 Speedmart, selain meningkatkan dan menambah baik modul sedia ada melalui kajian yang dibuat.

Isi kekosongan

"Kami berharap melalui memorandum persefahaman (MoU), pihak 99 Speedmart dapat membantu UKM dalam melahirkan lebih ramai graduan yang berjaya dalam bidang keusahawanan," katanya pada majlis menandatangani MoU antara UKM dengan 99 Speedmart, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Penga-

ras dan Pengarah Urusan 99 Speedmart, Lee Thiam Wah, berkata dengan kepakaran UKM, pihaknya dapat bekerjasama untuk menghasilkan modul latihan yang lebih baik.

"Di setiap kedai, kami memerlukan seorang pengurus dan seorang pembantu pengurus menjadikan kira-kira 500 graduan yang diperlukan untuk mengisi kekosongan berkenaan.

"Oleh itu, pihak kami sentiasa mengalu-alukan graduan daripada UKM khususnya untuk menyertai kami di 99 Speedmart," katanya



Prof Ishak bertukar dokumen dengan Lee pada majlis memeterai MoU antara UKM dengan 99 Speedmart di Klang, baru-baru ini.